

Getah: Mahathir bidas barat

Oleh
RUHANIE HAJI AHMAD

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini membidas golongan yang menghancurkan pasaran getah antarabangsa menerusi jualan stok penimbal bahan berkenaan.

Bellau juga mengecam golongan yang memandang ringan terhadap aspirasi rakyat ASEAN untuk mewujudkan susunan baru ekonomi antarabangsa.

Golongan itu juga, tambahnya, berterusan mewujudkan syarat-syarat perdagangan yang tidak seimbang.

Perdana Menteri, dengan nada serius, membidas golongan ini sewaktu berucap merasmikan Perhimpunan Agung Ke-4 Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN (AIPO), di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menyebutkan secara khusus golongan yang dimaksudkan. Bagaimanapun, adalah jelas bahawa ia berkaitan dengan negara-negara pengguna barat, terutama Amerika Syarikat.

Menjejas

Katanya, walaupun ASEAN berusaha sedaya upaya untuk memperolehi syarat-syarat perdagangan yang adil dan saksama, "kita mesti akui, bahawa kebanyakannya kita gagal".

Bellau menegaskan, walaupun kos pengeluaran getah dan timah meningkat secara mendadak beberapa tahun lalu, harga bahan berkenaan di pasaran antarabangsa tidak langsung mencerminkan kenalkan tersebut.

"Harga getah yang kian rendah sekarang, kini menjejaskan kehidupan ribuan pekebun kecil yang miskin di Malaysia dan di lain-lain negara ASEAN.

"Golongan yang

melaung-laungkan perdagangan bebas dan menentang kewujudan monopoli, kini bertindak sehingga menghancurkan pasaran menerusi jualan stok penimbal getah dan lain-lainnya," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir gembira kerana ASEAN kini berjaya mewujudkan barisan bersama menghadapi amalan perlindungan perdagangan oleh negara-negara maju.

Oleh itu, katanya, ada-

lah penting bagi ASEAN mendapatkan sokongan dari pihak yang membuat undang-undang.

"Penghantaran bahan mentah bernilai rendah dengan jumlah yang kecil tidak lagi boleh disifatkan sebagai satu cara mengurangkan kos pengeluaran perkilangan," tambahnya.

No. Siri 2335
No. Penerimaan 79/85